

16/11/1998

Jangan ganggu langkah Malaysia: PM (HL)

Faizal Fadzil; Mutazar Abd Ghani

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat antarabangsa supaya jangan mengganggu kawalan tukaran mata wang yang diamalkan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kecaman masyarakat antarabangsa terhadap langkah negara ini menghalang ringgit diperdagangkan, tidak munasabah kerana peraturan itu tidak mengancam mana-mana pihak.

Menurut Dr Mahathir, ekonomi negara ini terlalu kecil dan bukan saja tidak berupaya menjejaskan proses liberalisasi kewangan antarabangsa, malah tanpa Malaysia ekonomi dunia juga tidak akan runtuh.

"Kami tidak mampu berbuat demikian. Kami terlalu kecil. Jadi, kenapa tidak membiarkan Malaysia bersendirian dengan keanehannya? Jika kami salah, kami harus menanggung akibatnya, sesuai dengan tindakan kami.

"Tetapi, masyarakat antarabangsa boleh mempelajari sesuatu untuk menjadikannya lebih baik lagi," katanya ketika merasmikan sidang perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sidang dua hari yang dihadiri semua perwakilan dari 21 negara anggota Apec diadakan sempena sidang kemuncak Apec pada 17 dan 18 November ini.

Dalam ucapannya bertajuk 'Memulihkan Semula Keyakinan, Menjana Semula Pertumbuhan: Mentadbir Globalisasi Dengan Lebih Baik', Dr Mahathir berkata, Malaysia kini diminta menarik balik kawalan tukaran mata wang atas alasan langkah itu tidak betul.

"Sesetengahnya pula meminta kami menarik balik kerana matlamat yang disasarkan sudah tercapai. Kami berpendapat anarki dalam pasaran kewangan antarabangsa masih wujud.

"Jika kami berpatah balik, tidak ada jaminan bahawa kami tidak akan diserang semula," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia pernah diketawakan dan dituduh tidak memahami sistem kewangan antarabangsa apabila mendesak masyarakat antarabangsa mewujudkan peraturan bagi mengawal kegiatan pedagang mata wang, tetapi kini dunia mula mengkaji langkah itu kerana sudah merasai kesannya.

Pada sidang akhbarinya pula, Dr Mahathir berkata, usaha negara maju (G7) menangani masalah berkaitan mata wang perlu membabitkan negara membangun dan tidak hanya tertumpu serta diputuskan di kalangan negara G7.

"Negara membangun seharusnya diajak berbincang agar mereka dapat memberi pandangan bagaimana perdagangan mata wang patut dikawal," katanya.

Beliau juga menegaskan Malaysia tidak akan mengubahsuai nilai mata wangnya yang ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika September lalu, semata-mata untuk bersaing dengan mata wang jirannya yang kebelakangan ini bertambah kukuh.

Perdana Menteri berkata, ringgit ditambah pada kadar tukaran yang cukup baik dan sebarang perubahan dalam kadar tukaran di negara jiran, hanya memberi kesan yang kecil terhadap Malaysia.

"Kami boleh membuat pengubahsuaian yang lebih baik melalui produktiviti yang lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir turut menjelaskan peraturan kawalan tukaran mata wang diperkenalkan bertujuan mempermudah kerajaan merangka serta melaksanakan program ke arah pemulihan ekonominya yang sebelum ini sering digagalkan pedagang mata wang.

"Hasilnya, kita berupaya menurunkan kadar faedah, meningkatkan kredit

dan mampu menangani isu pinjaman tidak berbayar (NPL) yang menjuruskan kepada beberapa langkah awal ke arah pemulihan," katanya.

Ditanya pandangannya mengenai usaha Hong Kong menangani perdagangan mata wang, beliau berkata, setiap negara mempunyai pendekatan berbeza kerana mereka mempunyai masalah tersendiri.

Namun, katanya, usaha ke arah itu perlu dilaksanakan lebih awal dan dibuat berdasarkan pandangan ke hadapan.

"Ini kerana jika usaha yang dilaksanakan itu tidak berkesan, kita boleh menggunakan cara lain. Tidak menjadi kesalahan menarik balik usaha yang sudah dibuat, jika ia didapati salah," katanya.

Mengenai usaha Jepun membantu negara Asia yang dilanda krisis kewangan, Perdana Menteri berkata negara itu pada mulanya bercadang memberi bantuan bernilai AS\$100 bilion (RM380 bilion), tetapi terpaksa mengurangkannya kepada AS\$50 bilion (RM53.8 bilion) kerana dibantah Amerika Syarikat yang bimbang bantuan itu akan menjejaskan usaha Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Saya dengar Amerika ingin menguruskan dana terbabit menurut cara negara itu. Saya tak tahu...Jepun sudah berusaha (membantu negara Asia), tetapi mereka sentiasa diarah tidak berbuat demikian," katanya.

Beliau turut menyentuh konsep globalisasi yang disifatkannya boleh mewujudkan dunia yang lebih baik jika masyarakat dunia tidak terlalu fanatik terhadap proses itu.

"Kita mesti berhati-hati melaksanakan globalisasi. Tahap pembangunan negara Apec tidak serupa. Sebarang persaingan di kalangan negara Apec tidak akan bersifat adil sekalipun di atas medan persaingan sama," katanya.

(END)